



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 30 / 2023	Membaik Pulih Jalan Dan Longkang Di Taman Tasik, Maran, Maran, Pahang Darul Makmur.	Gred G1 Kategori Awam, Kategori Awam Pengkhususan CE21,	RM20.00 (Tunai/Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/Bank Deraf) Atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Maran	14.09.2023 (Khamis) hingga 21.09.2023 (Khamis) Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini. Sesi lawatan tapak ini tidak diwajibkan .	14.09.2023 (Khamis) hingga 21.09.2023 (Khamis) 8:30 pagi hingga 4:30 petang di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran.
MDM / SH / 31 / 2023	Membaik Pulih Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Jaya Diri Chenor, Maran, Pahang Darul Makmur.				
MDM / SH / 32 / 2023	Membaik Pulih Jalan Di Taman Bedong Permai, Maran, Pahang Darul Makmur.				
MDM / SH / 33 / 2023	Membaik Pulih Dataran Di Anjung Selera Jengka Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran, Pahang Darul Makmur.				
MDM / SH / 34 / 2023	Membaik Pulih Dewan Serbaguna Taman Jengka Impian, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran, Pahang Darul Makmur.				

2. Kontraktor hendaklah mengamalkan penjarakan sosial, kerap cuci tangan dengan air dan sabun / penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah diwajibkan. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan bagi kontraktor yang berada di Luar Daerah Maran.
3. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah dan hanya penama syarikat sahaja** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK)** yang dikeluarkan oleh CIDB serta **Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK semasa membuat pembelian sebutharga.
4. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **22 September 2023 (Jumaat) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,

Sr MAZAITUN HANI BINTI ZAINON, PKT., MRISM.

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Maran

07/09/2023